

26/10/2002

Kerajaan mahu pastikan tazkirah tidak diseleweng

Mutazar Abd Ghani; Mohd Fuad Razali; Veena Rusli; Azmi Md Deros; Faiza DUA minggu kebelakangan ini, kita dikejutkan dengan kenyataan kontroversi yang dilemparkan oleh Rohan Gunaratna, penulis buku Inside Al-Qaeda - Global Network of Terror.

Beliau menyenaraikan beberapa pergerakan pengganas yang turut membabitkan kepimpinan negara, Barisan Nasional (BN) serta parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan.

Ini amat mengemparkan, tambahan laporan kumpulan pemantau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) turut mengaitkan perkara sama.

Dalam Berita Harian bertarikh 23 Oktober lalu, dilaporkan sebuah mahkamah Perancis memutuskan seorang penulis, Micheal Houellebecq, tidak bersalah atas dakwaan menghasut sentimen perkauman dengan menggelarkan Islam sebagai 'agama paling bodoh'.

Apa perlu kita bandingkan kedua-dua penulis kontroversi ini, mereka bukanlah penulis dikenali ramai. Bagaimanapun, dengan menggunakan segala peluang ada, pemahaman Islam dimanipulasikan sebaiknya dan menjadikan mereka jagoan Barat.

Houellebecq dalam bukunya Plateforme, di mana watak utamanya Michel 'gembira' setiap kali membincangkan pembunuhan seorang pengganas Palestin.

Begitulah gambarannya terhadap Muslim di Palestin yang berjuang habis-habisan untuk kemerdekaan tanah air dan agama disifatkan sebagai pengganas.

Rohan pula yang melabelkan kepimpinan negara mempunyai kaitan dengan pengganas mungkin satu tindak balas ke atas kritikan dan teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke atas dunia Barat.

Mungkin bagi kedua-dua penulis rasa Muslim yang sederhana adalah Muslim yang tunduk kepada tekanan kuasa besar.

Tindakan segera BN menghantar nota bantahan melalui Wakil Tetap PBB, desakan Ketua Dewan Pemuda Pas, Mahfuz Omar serta bantahan sebulat suara ahli Parlimen amat diharapkan membawa satu perubahan positif untuk Malaysia.

Tidak menjadi satu kejutan apabila penulisan 'murahan' seperti hasil karya mereka ini berjaya mengumkan pembaca yang tidak memahami realiti sebenar Islam.

Jika kita melihat ke belakang, lebih 60,000 buku anti-Islam diedarkan ke pasaran dunia sebagaimana dikatakan oleh Edward Said dalam majalah Times, 16 April 1979. Saya percaya jumlah yang dinyatakan oleh Edward, 33 tahun lalu kini bertambah berkali-kali ganda.

Malah, serangan yang dilakukan ke atas Islam mungkin lebih hebat lagi. Hari ini manusia sentiasa mengejar masa dan informasi yang paling cepat untuk dicapai ialah melalui media itu sendiri. Malangnya, segelintir mereka yang menggunakan media sebagai mekanisme kebencian dan kemusnahan.

Islam mengajar umatnya agar berhati-hati dalam membuat tuduhan. Tidak kira sama ada dalam bentuk penulisan mahupun lisan. Kerana fitnah dan tuduhan sebegini membawa kepada kepada kepada unsur kezaliman. Inilah fitnah yang dinyatakan oleh Rasulullah saw:

"Nabi saw naik ke salah satu bangunan yang tinggi daripada bangunan di Madinah, kemudian Baginda bersabda: Apakah kamu melihat